

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH
ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSOLOR UiTM**

Sempena

**LAWATAN TAPAK PENYELIDIKAN
DAN
MAJLIS PERASMIAN TAPAK PENYELIDIKAN
BAHAN DAN STRUKTUR MARIN**

**21 FEBRUARI 2023 | SELASA | 8 – 10 MLM
PULAU TUBA, LANGKAWI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera**

YBhg. Prof. Dr. Hamidah Binti Mohd Saman Penolong
Naib Canselor,
Kolej Kejuruteraan UiTM

YBhg. Prof. Ts. Dr. Aidah Jumahat
Dekan Penyelidikan dan Inovasi,
Kolej Kejuruteraan UiTM

**Para tetamu jemputan dari industri dan hadirin
sekalian,**

**(Salutations to be confirmed by the organiser on the day
of the event)**

Hadirin yang dihormati,

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta-Ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di sini sempena **Majlis Perasmian Tapak Penyelidikan Bahan dan Struktur Marin di Pulau Tuba, Langkawi.**

2. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak Kolej Pengajian Kejuruteraan dan Fracture Mechanic & Materials Integrity Research Group (FMMI), Universiti Teknologi MARA atas dedikasi berterusan mereka sehingga berjaya menganjurkan acara yang berprestij ini.

3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan industri dari PETRONAS, pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), AJK Koperasi Pulau Tuba (KOPTUBAS), Pusat Penyelidikan Dan Kecemerlangan Marin (MAREC) UiTM, Institut Latihan & Pemikiran (ILD) UiTM, Institute for Infrastructure Engineering and Sustainability Management (IIESM)

UiTM dan semua pihak dalam mejayakan program ini.

4. Untuk makluman, program ini telah diterajui oleh Prof. Ts. Dr. Aidah Jumahat bersama kumpulan penyelidikannya dengan matlamat memantapkan kolaborasi penyelidikan antara penyelidik dari Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM dengan pihak industri dan agensi kerajaan.

5. Inisiatif program ini juga bertujuan menjadikan ia sebagai satu platform pertukaran idea dan pengetahuan antara penyelidik, usahawan dan ahli akademik, tempatan dan antarabangsa serta pihak industri dalam membincangkan penemuan terkini dalam konteks kelestarian global.

Hadirin sekalian,

6. Penerokaan ilmu baharu telah menjadi salah satu agenda utama kerajaan Malaysia. Selaras dengan aspirasi negara untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan di negara kita, UiTM secara proaktif telah melaksanakan program dan aktiviti yang akan menggalakkan penyelidikan berimpak tinggi

merangkumi pelbagai bidang kepakaran.

7. Saya percaya bahawa program seperti ini akan memberikan manfaat timbal balik kepada semua pihak. Ia mampu memberikan gambaran yang jelas kepada ahli akademik mengenai keperluan pihak industri manakala, pihak industri dapat mengenal pasti pakar atau penyelidik di universiti yang boleh menyumbang dalam memperkasakan hasil industri seterusnya menggalakkan inovasi dan pertumbuhan dalam bidang teknologi dan kejuruteraan khususnya.

8. Daya saing dunia hari ini menuntut pembangunan produk serta perkhidmatan yang lebih maju dan berkualiti tinggi. Oleh itu, kemahiran yang tinggi diperlukan daripada semua pihak seperti pereka, usahawan, jurutera dan ahli teknologi untuk mengemukakan idea dalam menghasilkan produk yang inovatif. Semua ini memerlukan perancangan jangka panjang ditambah dengan asas penyelidikan dan pembangunan yang kukuh.

9. Oleh itu, program ini diharapkan dapat membantu semua pihak untuk meneroka peluang baharu dalam bidang kajian yang berkaitan. Kerjasama akademik dan industri ini dapat memenuhi keperluan rangka kerja 10-10 MySTIE iaitu menggabungkan pemacu S&T dan sosio-ekonomi sebagai pemacu utama pembangunan negara.

10. Perkongsian bersama-sama penyelidik mengenai penemuan terkini, produk baharu, entiti kecemerlangan (EK) dan Research Interest Group (RIG) juga mampu mencetus kepada pontesi kolaborasi dan dana penyelidikan.

11. Saya percaya bahawa bimbingan dan idea daripada pihak yang berpengalaman, digabungkan dengan inovasi dan kreativiti para penyelidik muda akan menjadi resepi yang berkesan dalam mengembangkan R&D yang lebih baik.

12. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa yang telah menjayakan keseluruhan program dan majlis pada hari ini. Program ini akan menjadi teras bagi kolaborasi penyelidikan bersama pihak akademik dan industri dalam pembangunan idea baharu pada masa hadapan.

13. Kami di UiTM amat menghargai kerjasama daripada semua pihak. In Sha Allah segala perancangan akan dilaksanakan dengan sebaiknya, seterusnya memberikan manfaat kepada semua.

18. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan ini merasmikan TAPAK PENYELIDIKAN BAHAN DAN STRUKTUR MARIN, PULAU TUBA, LANGKAWI.

Sekian, terima kasih.

**Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**